

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN**



PEGAWAI...dari kiri (depan): Hadijah, Musnin, Awang Suhaizam (Timbalan Pendaftar, Bahagian Perundangan & Tata tertib), Roslan Gimba, Cik Kamisah Husin (Timbalan Pendaftar, Bahagian Pentadbiran, UMSKAL) manakala dari kiri (belakang) ialah Fauziah, Ngatni, Samsidar, Ireyan dan Mariana Koong.

131 k-tangan UMSKAL hadiri Taklimat Akta Badan Berkanun

LABUAN: Seramai 131 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menghadiri Taklimat Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) pada Rabu di Dewan Theatrette, UMSKAL.

Taklimat "Ketidakhadiran Tanpa Cuti" disampaikan oleh Timbalan Pendaftar, Bahagian Perundangan dan Tata tertib, Jabatan Pendaftar UMS, Awang Suhaizam Bin Bungso.

Awang Suhaizam berkata: "Ketidakhadiran untuk bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab munasabah oleh seorang pegawai boleh menyebabkan beliau dikenakan tindakan tata tertib mengikut Peraturan 23, Jadual Kedua, Akta 605.

Tambahnya lagi ketua jabatan hendaklah melaporkan dengan segera kepada Jawatankuasa tata tertib kakitangan sekiranya terdapat pegawai yang tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab munasabah. Laporan hendaklah disertakan dengan tarikh-tarikh ketidakhadiran.

Mengenai tindakan UMS dalam menangani masalah ketidakhadiran bertugas dalam tempoh masa yang lama kerana mengalami masalah psikiatri, beliau berkata pihak Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, akan menubuhkan Lembaga Perubatan untuk menentukan sama ada kakitangan berkenaan memerlukan masa untuk rawatan kesihatan dan mendapat cuti sakit atau terpaksa ditamatkan perkhidmatan kerana hilang kebergunaan terhadap organisasi.

Persoalan sama ada ketua jabatan perlu memberikan notis untuk melucutahkan emolumentum kakitangan, beliau menjelaskan bahawa ketua jabatan tidak perlu memberi notis tersebut kerana menurut Peraturan 26, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib & Surcaj) 2000 (Akta 605), Ketua Jabatan perlu membuat laporan mengenai ketidakhadiran kakitangan ke Bahagian Sumber Manusia dan mengarahkan untuk pelucutahkan tanpa notis kepada kakitangan.